

13/08/2000

## Hubungan kaum di Malaysia pengaruhi Singapura

Rejal Arbee

KUALA LUMPUR: Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, yang akan memulakan lawatan empat hari ke negara ini mulai esok mengakui hubungan Melayu dan Cina di Singapura juga bergantung kepada hubungan antara kedua-dua kaum itu di Malaysia dan Indonesia.

Dalam suatu temu ramah dengan Berita Harian dan New Straits Times di Istana Singapura minggu lalu sempena lawatannya itu, Lee yang jelas masih mempunyai pengaruh yang kuat dalam kerajaan Singapura sungguh pun telah berundur sebagai Perdana Menteri 10 tahun lalu, berkata hubungan Melayu-Cina di Singapura tidak ditetapkan di Singapura saja.

Ia dipengaruhi hubungan Melayu-Cina di Malaysia dan juga hubungan pribumi Indonesia dan rakyat Cinanya. Ini tidak dapat dielakkan, katanya.

Dalam wawancara yang mengambil masa hampir dua jam itu, beliau menyentuh mengenai peranannya masa kini, pandangannya terhadap hubungan dua hala Malaysia-Singapura, perbelanjaan pertahanannya yang besar, kedudukan rakyat Melayu Singapura, pengaruh Pas, DAP dan juga Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Walaupun banyak diperkatakannya mengenai Anwar termasuk apa yang diketahui oleh perisikan Singapura, beliau meminta pandangannya itu tidak dihebahkan. Bagaimanapun, beliau tidak fikir Anwar dapat kembali menguasai politik negara.

Lee yang sudah menjangkau umur 77 tahun dan telah menjalani pembedahan jantung kelihatan masih segar dan bertenaga, walaupun beliau sendiri mengakui kini sudah tidak begitu cergas seperti dahulu.

Beliau yang berusaha untuk menonjolkan dirinya sebagai tidak lagi berkuasa sebagaimana ramai menganggapnya, berkali-kali menyatakan apa-apa keputusan kini terletak pada tangan Perdana Menteri, Goh Chok Tong.

Malah, beliau menegaskan lawatannya ke Malaysia juga perlu mendapat restu Goh.

Ditanya apakah benar dakwaan orang Melayu Singapura kini terpinggir, Lee telah menghuraikan dengan panjang lebar sekiranya benar berlaku diskriminasi terhadap Melayu, beliau sendiri akan menghapuskannya.

Kejadian diskriminasi tidak boleh dibenarkan berlaku sekiranya Singapura hendak wujud sebagai suatu negara utuh.

Beliau memberi contoh isu sekolah madrasah yang mana 4,000 muridnya kini dikehendaki juga mempelajari subjek-subjek seperti bahasa Inggeris, matematik, sains dan komputer dan tidak lagi tertumpu kepada pelajaran agama dan al-Quran saja.

Katanya, Goh mengambil risiko politik dengan membuat keputusan itu kerana mahu mereka yang menuntut di madrasah mendapat pekerjaan apabila tamat pelajaran mereka.

Beliau juga ditanya kenapa Singapura berbelanja besar bagi pertahanannya, iaitu sehingga enam peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasarnya, misalnya menjangkau AS\$4.8 bilion pada 1998 berbanding Malaysia (AS\$1.5 bilion), Thailand (AS\$2.1 bilion) dan Indonesia (AS\$5 bilion). Siapakah yang ditakutkan dan siapa musuhnya?

Lee menerangkan ia tidak bertujuan mengancam sesiapa. Singapura juga tidak berhajat berperang dengan sesiapa, tetapi hanyalah untuk menjamin keupayaannya untuk menghukum sesiapa yang mempunyai hasrat terhadapnya.

Beliau setuju dengan pandangan adalah lebih baik bagi Singapura mewujudkan hubungan terbaik dengan jiran-jirannya sebagai suatu usaha menjamin kedaulatannya tanpa menghuraikannya dengan lebih lanjut.

Mengenai hubungan dua-hala dan beberapa perkara yang menghantui hubungan baik antara kedua-dua negara khususnya mengenai isu air, tanah Keretapi Tanah Melayu, pengeluaran wang simpanan rakyat Semenanjung dalam Tabung Pusat Simpanan Pekerja, beliau menerangkan akan membincangnya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Tetapi, katanya, apa-apa keputusan mengenainya terletak pada kedua-dua Perdana Menteri.

Mengenai barisan pembangkang di Malaysia beliau tidak fikir ia boleh bertahan lama memandangkan perbezaan antara Pas dan DAP. Beliau hairan bagaimana DAP boleh dipercayai Pas hingga boleh menyertai barisan itu.

Bagaimanapun, beliau tidak bimbang dengan kebangkitan Islam khususnya di kalangan golongan muda yang boleh mempengaruhi perkembangan politik di sini, tetapi agak risau dengan perkembangan itu.

Umno, katanya, harus boleh berubah untuk mempengaruhi kaum muda menyokongnya kembali.

(END)